

03 MAR 2004

Pilihan raya-Parlimen (Rangkuman)

PARLIMEN BUBAR ESOK, TARIKH PENGUNDIAN DIKETAHUI DALAM EMPAT HARI

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Parlimen akan dibubarkan esok untuk membolehkan Malaysia mengadakan pilihan raya umum yang ke 11 iaitu lapan bulan sebelum tamat tempoh Dewan Rakyat sekarang.

Dalam satu kenyataan ringkas hari ini Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menamatkan teka-teki sejak beberapa minggu lepas tentang bila pilihan raya umum yang baru akan diadakan.

Abdullah berkata Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail hari ini menandatangani perisytiharan untuk membubarkan Parlimen.

Menurut Suruhanjaya Pilihan Raya, ia akan bermesyuarat dalam masa empat hari ini untuk menetapkan tarikh penamaan calon dan pengundian.

Semua Dewan Undangan Negeri juga akan dibubarkan esok, kecuali Sarawak yang mendakan pilihan raya negeri pada 2001.

Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa pilihan raya mestilah diadakan dalam tempoh 60 hari selepas pembubaran Parlimen.

Pengundian bagi pilihan raya umum yang lepas telah diadakan pada 29 November 1999. Jumlah pemilih berdaftar ketika itu ialah 9.7 juta.

Pilihan raya kali ini membabitkan kira-kira 10.3 juta pengundi.

Bilangan kerusi Parlimen pada kali ini juga meningkat kepada 219, tambahan sebanyak 26 kerusi berbanding pada 1999, manakala kerusi DUN pula meningkat kepada 505 kerusi iaitu tambahan sebanyak 63 kerusi.

Pada pilihan raya umum yang lalu, Barisan Nasional yang telah memerintah sejak negara ini mencapai kemerdekaan pada 1957, memenangi 148

kerusi Parlimen. Bagaimanapun, bilangan itu meningkat kepada 152 setelah

Parti Bersatu Sabah (PBS) menyertai gabungan itu pada Januari 2002 dan BN memenangi pilihan raya kecil di Pendang pada Julai tahun yang sama.

Pada pilihan raya umum yang sama, BN memenangi 281 daripada 394 kerusi

DUN yang ditandinginya, tetapi kehilangan satu kerusi pada pilihan raya kecil di Lunas pada November 2002.

Parti pembangkang utama iaitu Parti Islam SeMalaysia (PAS), yang mempertahankan Kelantan dan menawan Terengganu daripada BN pada

1999,
menguasai 26 kerusi Parlimen dan 98 kerusi DUN sebelum Parlimen
sekarang
dibubarkan.

Di kalangan parti-parti pembangkang yang lain pula, DAP
menguasai 10
kerusi Parlimen dan 11 kerusi DUN manakala Keadilan menguasai lima
kerusi
Parlimen dan lima kerusi DUN.

Abdullah akan mendapatkan mandat baru daripada rakyat selepas
lima
bulan mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Dr
Mahathir
Mohamad yang menerajui negara selama 22 tahun.

Sejak itu Abdullah telah meletakkan negara dalam "suasana
selesa"
dengan ekonomi negara mengalami pengukuhan seperti mana dicerminkan
petunjuk di Bursa Saham Kuala Lumpur minggu lepas yang mencatat
pencapaian
terbaik dalam tempoh empat tahun.

Para penganalisis mengaitkan suasana sedemikian dengan dasar
luar
pentadbiran Abdullah yang bersifat tidak bermusuhan di samping
usahanya
yang bersungguh-sungguh untuk menghapuskan rasuah.

Bulan lepas, Badan Pencegah Rasuah menangkap Tan Sri Eric Chia,
bekas
Pengaroh Urusan Perwaja Steel Sdn Bhd, iaitu sebuah syarikat milik
negara,
dan Menteri Pembangunan Tanah dan Koperasi Tan Sri Kasitah Gaddam.

Eric Chia telah dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan pecah
amanah,
manakala Kasitah yang telahpun meletakkan jawatan, atas tuduhan
rasuah dan
menipu.

Abdullah berkata minggu lepas bahawa beliau yakin BN pada kali
ini akan
mengekalkan kuasanya dengan memperolehi majoriti lebih dua-pertiga
berdasarkan sokongan jitu rakyat terhadap inisiatif-inisiatif
barunya itu.

Ketika melawat Iran dua minggu lepas, Abdullah berkata tangkapan
tokoh-tokoh berkenaan adalah satu proses penguatkuasaan undang-
undang dan
adalah tidak betul baginya untuk campur tangan atau melindungi
sesiapa.

"Lima bulan yang lepas yang menyaksikan adanya semacam satu
sanjungan
(terhadap Abdullah) merupakan tempoh berbulan madu baginya," kata Dr
Syed

Husin Ali, Presiden Parti Rakyat Malaysia yang telah beberapa kali
bertanding dalam pilihan raya tetapi belum pernah menang.

"Beliau telah membuat beberapa kenyataan yang tepat, seperti

membanteras rasuah dan menambah-baik perkhidmatan awam. Ia satu isyarat yang kuat kepada rakyat," beliau memberitahu Bernama.

Penulis pojok New Sunday Times Datuk Dr Munir Majid berkata sanjungan terhadap Abdullah yang memuncak memberi kelebihan kepada BN jika pilihan raya diadakan lebih awal.

"Beliau sekarang begitu popular kerana segala tindakan awalnya menunjukkan isyarat corak pentadbirannya yang disambut baik oleh rakyat," katanya.

Dr Munir berkata perdana menteri begitu yakin dan jelas mengenai apa yang beliau mahukan dan beliau mahukannya segera.

"Beliau mahukan rakyat memberika mandat sebagai bukti sokongan mereka terhadap apa yang dilakukannya sekarang supaya beliau boleh meneruskan dasar-dasarnya. Beliau mahukan mandat baru untuk meletakkan muka baru (dalam pentadbirannya), mereka yang boleh berkhidmat di peringkat negeri dan parlimen. Beliau mahu membentuk pasukannya sendiri," katanya.

Para penganalisis politik berkata Umno, tulang belakang BN yang menghadapi masalah besar pada 1999 berikutan pemecatan timbalan perdana menteri ketika itu Datuk Seri Anwar Ibrahim, kini lebih mantap untuk menghadapi pilihan raya.

Dr Nidzam Sulaiman, seorang ahli sains politik, berkata parti pembangkang kecuali PAS nampaknya menghadapi lebih banyak masalah pada pilihan raya kali ini.

"Tetapi Umno lebih berkeyakinan kali ini," katanya.

Semasa pilihan raya 1999, ramai pengundi di kawasan majoriti Melayu yang sebelum ini menyokong Umno telah memihak kepada pembangkang.

Bagaimanapun kini selera mereka telah berubah. Ramai pengundi Melayu kini kembali ke pangkuan Umno, kata Dr Nidzam.

"Keyakinan pengundi dan sokongan terhadap Barisan Nasional telah meningkat sejak beberapa bulan lalu. Kini adalah masa terbaik untuk mendapatkan mandat baru daripada mereka bagi Abdullah memimpin negara," katanya.

-- BERNAMA

AU RYN RON